

1. Dua bekas pegawai FELDA dituduh pecah amanah

BEKAS Timbalan Pengarah Besar (Sumber Strategik) FELDA, Muhammad Sufi Mahbub didakwa di Mahkamah Sesyen Jalan Duta atas pertuduhan pecah amanah jenayah ke atas dana FELDA membabitkan jumlah sebanyak RM47.6 juta, tiga tahun lalu. - Foto Saddam Yusoff KUALA LUMPUR

Dua bekas pegawai kanan FELDA hari ini dituduh di Mahkamah Sesyen masing-masing kerana pecah amanah wang agensi itu berjumlah RM47.6 juta dan bersubahat, tiga tahun lalu.

Mereka ialah Bekas Pengarah Besar FELDA, Datuk Faizoull Ahmad, 57 dan bekas Timbalan Pengarah Besar (Sumber Strategik) FELDA, Muhammad Sufi Mahbub, 53. Bagaimanapun, mereka tidak mengaku bersalah apabila tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Allaudeen Ismail. Muhammad Sufi didakwa sebagai Timbalan Pengarah Besar (Sumber Strategik) telah diamanahkan dengan penguasaan ke atas dana FELDA melakukan pecah amanah jenayah ke atas dana itu iaitu dengan curangnya melupuskan wang itu dengan memasuki perjanjian Technology Transfer and Supply Agreement dan Design-Build Contract Agreement dengan 12C Hassed (M) Sdn Bhd melalui FELDA Caviartive Sdn Bhd.

Dia kemudian meluluskan pembayaran masing-masing RM25,999,000 dan RM21, 625, 500 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah FELDA atau Jawatankuasa Tender FELDA.



BEKAS Pengarah Besar FELDA, Datuk Faizoull Ahmad didakwa di Mahkamah Sesyen Jalan Duta atas pertuduhan pecah amanah jenayah ke atas dana FELDA membabitkan jumlah sebanyak RM47.6 juta, tiga tahun lalu. - Foto Saddam Yusoff

Faizoull pula didakwa bersubahat melakukan perbuatan itu di tempat dan masa yang sama. Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Bangunan Wisma FELDA, Jalan Perumahan Gurner, di sini, antara 13 Januari 2014 hingga 23 Julai 2014. Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat dan boleh didenda.

Mahkamah memberarkan jaminan RM1 juta bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib manakala Mohd Irwan Mohd Mubarak dan Azad Bashir masing-masing bertindak sebagai peguam Muhammad Sufi dan Faizoull.



Rabu, 1 Mac 2017

2. PM LHDN perlu capai kutipan cukai optimum: PM

Cyberjaya: Datuk Seri Najib Razak mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memantapkan lagi usaha untuk memastikan kutipan cukai berada pada tahap optimum tahun ini.

Perdana Menteri berkata, keengganannya mereka yang layak untuk membayar cukai dan kegiatan ekonomi yang mengelak cukai, akan menyumbang kehilangan pendapatan besar kepada negara, sekali gus memberi kesan kepada usaha pembangunan negara dan perkhidmatan kepada rakyat.

"Justeru, kita perlu lakukan apa yang termampu, selain memastikan 'kelompongan' (kehilangan hasil) itu dapat dikecilkan dan dihapuskan sama sekali melalui kutipan cukai yang lebih cekap, selain 'element of fear' dalam kalangan mereka yang tidak membayar cukai, bahwasanya mereka tidak terlepas daripada LHDN. "Kalau ada elemen seperti ini dan tindakan yang kita lakukan bersungguh-sungguh, saya percaya budaya membayar cukai akan menjadi lebih mantap, bukan hanya sebagai tanggungjawab sosial dan moral tetapi juga dituntut agama," katanya ketika merasmikan 'Majlis Hasilian Bersama Perdana Menteri' sempena Hari Hasil Ke-21 LHDN di sini, malam ini. Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz dan Datuk Lee Chee Leong; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah serta Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah. Perdana Menteri juga yakin LHDN mampu mencapai sasaran kutipan RM127.7 bilion pada tahun ini, selepas berjaya mengutip RM114 bilion pada tahun lalu.

Beliau turut memuji peranan LHDN dalam menguruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang mencecah 8.3 juta permohonan pada tahun ini, peningkatan 13.47 peratus berbanding tahun lalu.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak berucap pada majlis perasmian 'Majlis Hasilian Bersama Perdana Menteri' sempena Hari Hasil Ke-21 LHDN di Cyberjaya, malam ini.

3. KTMB tangani masalah sistem tiket dalam talian



Pengerusi KTMB, Datuk Nawawi Ahmad.

KUALA LUMPUR: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengadakan perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian berhubung aduan pengguna terhadap perkhidmatan syarikat berkenaan.

Pengerusi KTMB, Datuk Nawawi Ahmad, berkata tiga perkara utama dikenal pasti menjadi permasalahan kepada pelanggan perkhidmatan KTMB termasuk transaksi yang tidak berjaya tetapi dikenakan caj.

"(Kedua adalah) pemulangan wang yang lama (lambat) bagi transaksi yang tidak berjaya dan (ketiga adalah) kesukaran mengakses sistem tiket dalam talian KTMB yang tidak mesra pelanggan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mahu pihak KTMB mencari jalan penyelesaian segera berhubung aduan pengguna mengenai perkhidmatannya.

Dalam catatan di laman Facebook rasmi beliau, Najib berkata antara komen dan maklum balas pengguna adalah mengenai Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dan sistem pembelian tiket dalam talian.

Perdana menteri turut meminta SPAD supaya memantau dan melaporkan terus kepada beliau secepat mungkin.

Nawawi berkata, KTMB menubuhkan unit khas bagi membincangkan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan sistem pembelian tiket dalam talian dipantau secara terperinci.

Katanya, rekod transaksi tiket dalam talian menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 90 peratus tahun lalu berbanding pada 2015 sehingga beberapa inisiatif diambil untuk memastikan perkhidmatan dalam talian itu terus berfungsi dengan baik.

"Antaranya dengan menambah satu talian internet khas e-tiket secepat mungkin, meningkatkan kapasiti kemudahan akses internet daripada 14mb kepada 30mb bermula Isnin lepas dan menaik taraf sistem infrastruktur dan pangkalan data bagi sistem tiket pada 10 Januari lalu," katanya.

4. Antara pensyarah universiti, ahli akademik



PRESIDEN Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Datuk Mohd Idrus Mohd Masirin. - Foto Kongres MAAC SKIM

SKIM lapuk menjejas kualiti pensyarah universiti awam didedahkan BH adalah isu menarik dan mungkin mengganggu fikiran masyarakat umum.

Banyak perkara perlu difahami sebelum menganalisis kebenaran kenyataan ini. Ramai membandingkan peranan dan kerjaya guru sekolah dengan pensyarah universiti.

Peranan ahli akademik jauh berbeza berbanding guru sekolah.

Ahli akademik perlu menjalankan penyelidikan dalam bidang ilmu terfokus (peranan asas), meneroka bidang ilmu terkini dan mengembangkan ilmu sehingga berjaya mewujudkan ilmu baharu yang ditulis dalam jurnal ilmiah serta dikongsi bersama rakan kesepakaran bagi membina korpus ilmu untuk kepentingan sangat.

Peranan utama ahli akademik ialah memberi 'syarahan' kepada pelajar siswazah dan pasca-siswazah, iaitu bahagian terpenting dalam program pengajian menghasilkan pemimpin negara dalam pelbagai bidang kemahiran tinggi, sama ada bersifat ilmuan (sains) atau ikhtisas (tenaga kerja mahir).

Syarahan disampaikan bukan sekadar memberi ilmu dan kefahaman dalam suatu bidang ilmu, tetapi menyampaikan pemikiran baharu secara kritis untuk membolehkan siswazah menguasai ilmu. Umumnya, ahli akademik perlu mempengaruhi pemikiran siswazah.

Jadi, ahli akademik berkecimpung dengan penerokaan ilmu baharu dan inovasi adalah urusan hariannya.

Walaupun ilmu dikongsi rakan kesepakaran dan pelajar siswazah, mereka bertanggungjawab berkongsi kepakaran dengan penjawat awam, sektor swasta dan masyarakat awam.

Usaha ini sering disebut 'khidmat masyarakat' atau lebih tepatnya 'khidmat akademik'.

Penyampaian idea, pemikiran, cadangan, pendekatan dan produk baharu berasaskan kepakaran masing-masing.

Selain berdepan etika atau nilai teras akademik, tugas pensyarah sangat berat dan perlu mengabdikan diri untuk penyelidikan, pengajaran (syarahan dan penyeliaan) serta khidmat akademik. Saya tertarik mengulas isu ini kerana ada dua perspektif menjelaskan dan mencari penyelesaian terbaik.

Jika kerajaan beranggapan pensyarah universiti adalah sebahagian penjawat awam dan mirip guru sekolah, kenyataan Prof Datuk Mohd Idrus Mohd Masirin, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) adalah tepat dan perlu diberi perhatian. Tugasan pensyarah universiti perlu dinilai semula dan penilaian prestasi tahunan boleh dijadikan panduan kenaikan pangkat serta ganjaran.

Jika negara berhasrat menjadi negara maju, sama seperti kebanyakan universiti terkemuka di dunia, skim pensyarah universiti perlu diteliti dan jika perlu dipertimbangkan menjadi skim baharu dipandu suruhanjaya bebas Perkhidmatan Ahli Akademik Malaysia, bukan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Penilaian kenaikan pangkat pensyarah hingga ke profesor ulung, perlu disandarkan kepada prestasi akademik - sumbangan cemerlang dan kewibawaan akademik- dinilai kumpulan kesepakaran berwibawa.

Inilah masanya kerajaan mengorak langkah memperkemas skim perjawatan ahli akademik awam untuk memperkasa kecemerlangan akademik dan membina imej universiti awam yang positif dan dihormati.

5. SPRM lipat ganda usaha perangi rasuah



KETUA Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad.

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan terus melipatgandakan usaha memerangi penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa sebagaimana titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata agensi itu juga bertekad untuk membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan seiring dengan titah baginda.

"Sebagai satu-satunya agensi penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memerangi rasuah di negara ini, SPRM akan memastikan titah Seri Paduka terlaksana sepenuhnya menggunakan segala kemampuan yang ada," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sultan Muhammad V dalam titah baginda ketika perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-13 di Dewan Rakyat, menzhirkan rasa dukacita kerana masih berlaku penyelewengan, ketirisan dan rasuah serta pembocoran maklumat kerajaan yang melibatkan penjawat dan bekas penjawat awam.

Seri Paduka bertitah walaupun kegiatan itu dilakukan segelintir mereka yang terbabit, namun ia menghakis kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Menurut Dzulkifli, SPRM menjunjung titah Seri Paduka sebagai satu cabaran untuk SPRM melaksanakan tugas memerangi rasuah dengan lebih komited dan efisien.

Sehubungan itu beliau berharap rakyat Malaysia khususnya seluruh jentera kerajaan untuk bersama-sama tanpa kompromi, berganding bahu bersama SPRM untuk melaksanakan titah baginda.

6. Integriti pupuk budaya kerja cemerlang



MENTERI Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin ketika sidang media pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KBS 2016 di Pusat Belia Antarabangsa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak. - Foto Saddam Yusoff

KUALA LUMPUR: Kakitangan perkhidmatan awam digalak supaya menekankan aspek memperbaiki sistem penyampaian kerajaan supaya setaraf dengan negara-negara maju.

Sehubungan itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kakitangan awam harus menerapkan soal integriti untuk memupuk budaya kerja yang cemerlang.

"Setiap kementerian mempunyai Unit Integriti masing-masing yang berfungsi sebagai alat kawalan dalam. Malah, tindakan penguatkuasaan juga adalah pendekatan yang mampu menerapkan integriti dalam perkhidmatan awam," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 Kementerian Belia dan Sukan di Pusat Belia Antarabangsa di Cheras, hari ini.

Khairy berkata, kakitangan awam tidak perlu bimbang dengan tugas-tugas penguatkuasaan, sekiranya mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan. "Tugas-tugas yang dijalankan penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) misalnya, tidak seharusnya melumpuhkan semangat kakitangan perkhidmatan awam, sekiranya mereka tidak melakukan kesalahan," katanya.

Pada majlis itu, Khairy menyampaikan anugerah APC kepada 394 kakitangan KBS yang cemerlang pada tahun lalu.

7. Pegawai, anggota polis didakwa rasuah



ANGGOTA polis yang berpangkat Deputi Superintenden (DSP) dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah, Mohd Mahyuddin Abdullah (tengah) diiring keluar dari Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu selepas mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah. - Foto Malai Rosmah Tuah KOTA KINABALU:

Empat anggota polis termasuk seorang Deputi Superintenden didakwa di Mahkamah Khas Rasuah di sini, hari ini, atas pertuduhan berasingan meminta dan menerima rasuah membabitkan nilai keseluruhan RM43,500.

Semua tertuduh mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat. Deputi Superintenden Mohd Mahyuddin Abdullah, 44, yang bertugas sebagai Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah, mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan rasuah antara 15 hingga 18 Jun 2016.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta suapan RM20,000 daripada Joseph J Langkan di Taman Ridgeview di sini, antara jam 9 hingga 10.30 malam pada 15 Jun tahun lalu supaya tidak mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan menipu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Tertuduh turut meminta RM5,000 secara berasingan di lokasi sama tetapi waktu berlainan pada 18 Jun 2016 daripada individu sama. Bagi dua kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 16(a)(B) akta sama.

Tertuduh turut didakwa bersetuju menerima RM500 daripada Joseph pada 15 Jun 2016 dan dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, seorang pegawai dan dua anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Penampang turut didakwa di mahkamah sama iaitu Inspektor Mohd Fa'iz Mohd Yusof, 32; Elly Boniface Siew @ Siu Anak Tugok, 38, dan Liza Ambau, 39, masing-masing berpangkat koperal.

Ketiga-tiga tertuduh masing-masing didakwa atas satu pertuduhan meminta rasuah daripada Wong Kian Shung sebagai dorongan tidak mengambil tindakan ke atas Dahlia Andreas atas kesalahan dadah, ketika melakukan saringan awal air kencing pada antara jam 11 malam hingga 12 tengah malam di IPD Penampang, 8 April 2016.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Mohd Fa'iz turut didakwa atas dua pertuduhan lain iaitu menerima suapan RM1,000 dan RM2,000 daripada Zaleha Ibrahim di tempat letak kenderaan di Pekan Donggongon, Penampang pada 9 dan 10 Februari 2016, sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Riclah Labik yang positif dadah ketika saringan awal air kencing.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 179(a) Akta SPM 2009 yang sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Rustam Sanip dan Rozana Abdul Hadi, manakala Elly Boniface, Mohd Fa'iz dan Liza diwakili peguam Luke Ressa Balang dan Mohd Mahyuddin pula diwakili PJ Pereira.

Hakim membenarkan jaminan masing-masing RM10,000 kepada Elly Boniface dan Liza, RM15,000 kepada Mohd Fa'iz dan RM20,000 terhadap Mohd Mahyuddin, selain menyerahkan pasport masing-masing sebelum menetapkan 26 April ini bagi sebutan semula kes.



Khamis, 9 Mac 2017

8. SPRM tahan seorang EXCO Johor

JOHOR BAHRU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor bagi membantu siasatan berhubung skandal rasuah hartanah di negeri ini.

Dia ditahan kira-kira jam 10.56 pagi tadi, ketika hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor di sini. Perkara itu disahkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya

Operasi SPRM, Datuk Azam Bakri ketika dihubungi sebentar tadi. Sementara itu, SPRM, dalam satu kenyataan, memaklumkan EXCO itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung pembabitannya dalam isu harta tanah. Kes itu disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM dan Seksyen 4 Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Terdahulu, empat individu termasuk anak dan pegawai khas EXCO berkenaan dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas ditahan selama 14 hari berhubung siasatan skandal rasuah harta tanah Johor.

Keempat-empat mereka tiba di Kompleks Mahkamah Johor Bahru, di sini kira-kira jam 9.28 pagi tadi dengan diiringi Pegawai SPRM. Dua pemaju yang turut ditahan bersama empat individu terbabit pada 24 Januari lalu, dibebaskan dengan jaminan SPRM pada 3 Mac lalu.

EXCO itu bercuti daripada portfolionya sejak 1 Mac lalu, susulan siasatan SPRM terhadap skandal rasuah harta tanah di Johor.



Khamis, 9 Mac 2017

9. Shafie tak dipanggil siasatan kes rasuah air Sabah



BEKAS Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal tidak akan dipanggil bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa dan rasuah di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim, berkata kes terbabit yang sebahagian besarnya masih dalam proses siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sama sekali tidak berkaitan dengan motif politik.

Sebaliknya, beliau mahu semua pihak memberi ruang dan sokongan kepada SPRM menyiasat dan mengendali sepenuhnya kes ini, tanpa gangguan, supaya individu yang terbabit, dibawa ke muka pengadilan. "Kita harap tidak ada gangguan. Kes (rasuah ini) sebenarnya bermula sejak 2015, saya mahu beritahu, ini tidak berbangkit soal dengan politik.

"Kita tidak sampai ke peringkat itu (untuk menyiasat Shafie), walaupun ada tawaran untuk menyiasat Yang Berhormat (Shafie)," katanya menjawab soalan tambahan Shafie (WARISAN-Semporna) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, sebentar tadi.

Terdahulu, Shafie menyatakan beliau sedia untuk disiasat dan dipanggil berhubung kes yang dianggap penemuan tunai terbesar oleh SPRM pada tahun lalu.

Ahli Parlimen Semporna ini turut mempersoal mengapa kes terbabit di siasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Perbiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dan bukan Akta SPRM.

Razali berkata, pendakwaan menggunakan akta terbabit tidak berbangkit memandangkan peruntukan hukumannya kepada pesalah juga setimpal.



Ahad, 12 Mac 2017

10. PM Pembinaan ECRL dijadual bermula Julai 2017

KUALA LUMPUR: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka memulakan kerja pembinaannya pada Julai ini, dengan kos keseluruhan dianggarkan kira-kira RM55 bilion.

Sebahagian daripada butiran projek pengangkutan mega itu sedang dipamerkan kepada umum selama tiga bulan bermula Rabu minggu lalu, bagi mendapatkan maklum balas orang ramai mengenainya.

Menurut Maybank Investment Banking (Maybank IB) Research, kerja pembinaan ECRL akan dimulakan Julai ini, jika tiada sebarang bantahan besar selepas tempoh tiga bulan butirannya dipamerkan kepada umum. Merangkumi laluan sepanjang 600.3 kilometer bagi fasa pertama, firma kaji selidik itu menyatakan ECRL akan melalui empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Laluan ECRL bermula di terminal pengangkutan bersepadu (ITT) Gombak akan berakhir di Wakaf Bharu, Kelantan, dengan 23 stesen perhentian di antaranya. "Fasa kedua akan dilaksanakan kemudian, menghubungkannya sehingga ke Pelabuhan Klang.

Kelajuan tren akan mencecah 160 kilometer sejam dan ia akan membawa penumpang serta kargo," katanya dalam satu nota penyelidikan. Maybank IB menambah, kos RM55 bilion bagi membina projek berkenaan ada disebut di dalam ucapan Bajet 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada November lalu.

"Kami difahamkan bahawa ini akan menjadi kos keseluruhan projek yang termasuk kos pembiayaan, selain kos pembinaan dan tanah," katanya. Satu pinjaman mudah bernilai AS\$13 bilion berjaya diperoleh daripada Export-Import Bank of China.

Kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pelaksanaan (EPCC) dianugerahkan kepada China Communications Construction Company Ltd, ketika lawatan Perdana Menteri ke China, November lalu. Menurut Maybank IB, difahamkan juga kontraktor Malaysia akan mendapat manfaat daripada projek berkenaan memandangkan terdapat keperluan 'kandungan tempatan'.


Katanya, jika perkara itu benar setiap pakej kerja dianggarkan bernilai lebih daripada RM1 bilion. "Disebabkan saiznya yang besar, kami menjangkakan nama besar seperti IJM dan Gamuda akan mengintai kerja berkenaan.

"Syarikat lain yang mendapat manfaat selain daripada kontraktor adalah adalah pembekal bahan binaan, Kuantan Port dan Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) memandangkan terdapat stesen perhentian di Kuantan Port City," katanya.

IJM menguasai 60 peratus kepentingan di dalam Kuantan Port dan 40 peratus di dalam MCKIP. Sebanyak 30 peratus kepentingan MCKIP juga dimiliki oleh Sime Darby Bhd. Di Kota Bharu, Najib hari ini mengumumkan laluan ECRL bermula di ITT Gombak akan berakhir di Pengkalan Kubor, Tumpat berbanding sebelum ini di Wakaf Bharu, Kelantan.

INFO Masa beroperasi harian: Penumpang (22 jam), Kargo (22.5 jam) Tempoh perjalanan: Kurang 4 jam dari Wakaf Bharu ke ITT Gombak Laluan utama: 534.8 kilometer Laluan sokongan: 65.5 kilometer Stesen: 12 stesen penumpang, 2 stesen kargo, 9 stesen penumpang dan kargo Kapasiti penumpang setiap tren: 600 orang

Gerabak setiap tren: 8

Info**Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)**

11. Malaysia negara pilihan terbaik pelabur

KUALA LUMPUR: Malaysia muncul negara pilihan terbaik untuk menjadi destinasi pelaburan langsung asing (FDI) global, menurut ranking Negara Terbaik Untuk Dilabur 2017.

Ia salah satu kategori di bawah ranking Negara Terbaik 2017 yang dibuat bersama firma strategi jenama global, BAV Consulting dan Wharton School of the University of Pennsylvania, membabitkan 21,000 peserta kaji selidik dari 80 negara seluruh dunia.

Ranking Negara Terbaik Untuk Dilabur ditetapkan berdasarkan skor daripada 6,000 pembuat dasar perniagaan, berdasarkan sekumpulan lapan ciri negara yang masing-masing mempunyai wajaran sama rata. Lapan ciri berkenaan ialah menangani rasuah, dinamik, stabil dari segi ekonomi, keusahawanan, persekitaran cukai yang mesra, inovatif, tenaga kerja berkemahiran dan kepakaran teknologi.

Rantau Asia Tenggara menguasai ranking berkenaan apabila selain Malaysia, tiga lagi negara iaitu Singapura, Thailand dan Indonesia juga menduduki senarai 10 negara terbaik untuk dilabur tahun ini.

"Malaysia adalah peneraju yang jelas di dalam ranking ini, apabila merekodkan sekurang-kurangnya 30 mata lebih tinggi berbanding negara lain berdasarkan skala 100 mata.

"Negara ini adalah salah satu penerima FDI yang terbesar dan kerajaannya yang pro-perniagaan menawarkan pelbagai jenis insentif kepada pelabur," kata kaji selidik berkenaan yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan U.S. News & World Report. U.S. News & World Report dikenali dengan penerbitan ranking global seperti pendidikan, kesihatan, kewangan, kerjaya, perjalanan dan automotif.

Kaji selidik itu mendapati, negara lain di dalam kedudukan teratas senarai berkenaan seperti Singapura yang menduduki tempat kedua dan India di tempat keenam, kebiasaannya mempunyai penduduk lebih muda serta berpendidikan.

"Majoriti rakyatnya boleh menghasilkan kerja berkemahiran yang diperlukan oleh pasaran tenaga kerja pada kadar gaji kompetitif serta meneruskan kitarannya dengan menyumbang kepada pasaran pengguna negara terbabit," katanya.

Menurut kaji selidik itu, pelabur akan tertarik kepada apa yang ditawarkan oleh negara terbabit tetapi tidak dimiliki oleh syarikat berkenaan.

Katanya, perkara yang menjadikan sesebuah negara itu unik iaitu rakyatnya, persekitaran, hubungan, rangka kerja dan pendidikan, mewujudkan pula empat faktor yang dikenal pasti oleh laporan Bank Dunia bagi menggalakkan seseorang individu atau sesebuah syarikat melabur di sana.

"Faktor berkenaan ialah sumber asli, pasaran, kecekapan dan aset strategik seperti teknologi atau jenama," katanya. Setiap tahun, kira-kira AS\$1 trilion dana dilaburkan dalam bentuk FDI di seluruh dunia. Bahagian yang diterima oleh sesebuah negara dianggap mencerminkan nilai serta potensinya ke seluruh dunia.



Isnin, 13 Mac 2017

12. Undang-undang baharu lindungi kanak-kanak - PM

KUALA LUMPUR: Undang-undang baharu merangkumi pelbagai kesalahan jenayah 'persediaan seksual' dan pornografi kanak-kanak akan dibentangkan pada sesi Parlimen bulan ini, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, kewujudan undang-undang baharu itu adalah selaras hasrat kerajaan untuk menyertai Konvensyen Mengenai Jenayah Siber yang menetapkan pornografi kanak-kanak sebagai satu kesalahan.

"Oleh itu, saya berharap semua Ahli Parlimen akan menyokong Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 ini, tanpa mengira fahaman politik masing-masing.

"Usaha ini perlu dilaksanakan bagi melindungi masa depan generasi pelapis dan memberi mesej lantang bahawa jenayah seksual kanak-kanak adalah kesalahan besar," katanya pada ucptama merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!, di sini sebentar tadi.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak berucap ketika merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). - Foto Sairien Nafis

Yang turut hadir, Presiden Indonesia Kelima, Megawati Soekarnoputri; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Penaung Program Permata Negara, Datin Seri Rosmah Mansor.

Najib berkata, kerajaan turut bercadang untuk mewujudkan Mahkamah Jenayah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual kanak-kanak yang menjadi mangsa pelaku kegiatan tidak bermoral.

"Perlu difahami bahawa Mahkamah Jenayah Khas ini berbeza dengan Mahkamah Kanak-Kanak sedia ada yang hanya mengendalikan kes di mana pelaku jenayah adalah kanak-kanak. "Kewujudan

Mahkamah Jenayah khas ini akan membantu melindungi kanak-kanak secara holistik, sekali gus mempercepat dan melancarkan prosiding serta perbicaraan kes membabitkan golongan ini," katanya.



Isnin, 13 Mac 2017

13. BNM, SPRM, LHDN bersama tangani jenayah kewangan

KUALA LUMPUR: Tiga agensi kewangan dan penguatkuasaan menjalankan kerjasama strategik bagi meningkatkan usaha mencegah jenayah kewangan, rasuah dan pengelakan cukai.

Kerjasama itu adalah antara Bank Negara Malaysia (BNM) menjalankan kerjasama dengan Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ia diputuskan melalui mesyuarat yang dihadiri pimpinan tertinggi ketiga-tiga agensi itu, iaitu Gabenor BNM, Datuk Muhammad Ibrahim, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad dan Ketua

Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah, hari ini. Muhammad berkata, kerjasama itu akan membendung penyaluran hasil perolehan wang dan transaksi haram melalui sistem kewangan negara. "BNM menyambut baik komitmen dan kerjasama dengan LHDN dan SPRM untuk mencegah jenayah kewangan.

"Perkara ini penting bagi mengekalkan integriti dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

14. Projek pasang meter air Orang Asli membazir - PAC

PENGERUSI PAC, Datuk Seri Hassan Ariffin

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati projek pemasangan meter air bagi bekalan air ke penempatan Orang Asli, adalah satu pembaziran.

Ia kerana tujuan sebenar pemasangan meter bagi mendidik masyarakat Orang Asli berjimat dalam menggunakan air.

Rumusan itu terkandung dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Program Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Laporan siasatan itu dibentangkan oleh Pengerusi PAC, Datuk Seri Hassan Ariffin di Parlimen, hari ini.

Hassan berkata, kos pemasangan meter dibuat secara sekaligus dan tidak dipecahkan mengikut kos meter, kos pengangkutan dan kos pemasangan.

"Kaedah sebegini memberi gambaran seolah-olah ada perbezaan yang ketara dalam kos pemasangan meter di rumah masyarakat Orang Asli.

"Selain itu, pengenalan sesuatu inisiatif seperti mengenakan bayaran air kepada masyarakat Orang Asli dilakukan tanpa berbincang terlebih dahulu dengan mereka walaupun tujuannya untuk mendidik mereka," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, katanya, PAC mengesyorkan kepada kerajaan supaya menggunakan kaedah yang lebih berkesan selain ekonomik bagi mendidik masyarakat Orang berjimat dalam penggunaan air dan bukannya dengan memasang meter air yang akhirnya tidak digunakan.

Katanya, kaedah kos sekaligus tidak harus digunakan dalam pemasangan meter air, dan kos perlu diperincikan kepada kos meter, pemasangan dan pengangkutan bagi projek yang akan datang. "Perbincangan perlu diadakan dengan ketua masyarakat sebelum sesuatu pembaharuan diperkenalkan kepada mereka.

"KKLW dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKAO) perlu lebih peka dan prihatin dalam menguruskan hal ehwal kaum itu," katanya.

Siasatan PAC itu susulan isu berkaitan dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2014 Siri 3 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 November 2015. Hassan berkata, PAC memanggil Ketua Setiausaha KKLW ketika itu, Datuk Mohd Ariff Ab Rahman bagi memberikan penjelasan dalam prosiding program KKLW terbabit.

Katanya, antara isu dibangkitkan sepanjang prosiding itu adalah lanjutan masa bagi sebut harga, meter air tidak berfungsi, pertindihan projek, pembinaan jambatan gantung di Kampung Santeh, Kuala Kangsar, Perak dan penanaman anak getah.



Selasa, 14 Mac 2017

15. KPKT sedia RM23j ambil alih PPR Lembah Subang 1



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar.

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukkan sejumlah RM23 juta bagi proses pengambilalihan pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Subang Lembah Subang 1 daripada Kerajaan Selangor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata ia membolehkan pihaknya memberi pembelaan kepada kira-kira 10,000 penghuni PPR berkenaan yang ketika ini hidup dalam keadaan 'daif'. Malah, katanya, kementeriannya juga akan memeriksa keadaan 3,000 unit rumah PPR itu serta kawasan sekitarnya, berikutan sebelum ini Kerajaan Selangor tidak mengendahkan keadaan rumah terbabit.

"Namun, bila kita nak ambil alih, Kerajaan Selangor suruh KPKT bayar RM60 juta pula, ia termasuk RM30 juta membabitkan sewa tertunggak yang tidak dibayar penduduk di PPR berkenaan.

"(Sedangkan) KPKT yang buat rumah PPR, ini satu tuntutan tidak adil. Kami amat dukacita dengan tindakan berkenaan (tuntutan Kerajaan Selangor),

" katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini. Akhir tahun lalu, KPKT bertegas akan mengambil alih pengurusan PPR berkenaan selepas mendapati Kerajaan Selangor melepaskan tanggungjawab mereka untuk menjaga kebijakan penduduk di kawasan perumahan itu.



Selasa, 14 Mac 2017

16. Pasaran bon korporat kumpul RM8 bilion

KUALA LUMPUR: Pasaran bon korporat adalah kondusif kepada penerbit bagi tempoh Januari-Mac 2017 dengan RM8 bilion dikumpul dan beberapa penerbit korporat merancang memasuki pasaran tahun ini, menurut Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC).

Bank Negara Malaysia (BNM), dalam satu kenyataan, memaklumkan penerbit korporat tidak memasuki pasaran bon akhir tahun lepas berikutan ketidaktentuan pasaran kewangan. Bagaimanapun, hasil bon korporat telah mengukuh.

Kenyataan itu diterbitkan berikutan perbincangan meja bulat FMC pada 10 Mac mengenai pembangunan pasaran bon domestik yang dipengerusikan Penolong Gabenor BNM, Adnan Zaylani Mohamad Zahid.

Meja bulat itu membincangkan keperluan untuk pasaran Pertukaran Kemungkiran Kredit (CDS) dan Pertukaran Kadar Faedah (IRS) dan mekanisme rujukan harga alternatif bagi membantu penerbit dan pelabur dalam proses penemuan harga.

"Pembabitan dan komitmen berterusan pengurus utama selepas penyelesaian penerbitan akan juga menambah kerancakan pasaran bon korporat sekunder.

"Meja bulat itu juga membincangkan pelbagai isu meliputi permintaan untuk bon berkadar dan berkadar lebih rendah di mana idea diketengahkan untuk keperluan mempunyai dana tujuan khusus yang melabur dalam ruang ini," katanya.



Selasa, 14 Mac 2017

17. Untung bersih PETRONAS naik 12 peratus



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Datuk Wan Zulkifle Wan Ariffin ketika pengumuman laporan kewangan suku keempat 2016 di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: PETRONAS mencatat keuntungan bersih RM23.5 bilion pada 2016, naik 12 peratus berbanding RM20.9 bilion pada 2015.

Ia diraih di sebalik kemerosotan pendapatan sebanyak 17 peratus kepada RM204.9 bilion berbanding RM247.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai dalam tempoh kajian adalah RM33.7 bilion, merosot 8.0 peratus berbanding RM36.7 bilion pada 2015.

Penurunan pendapatan itu adalah berikutan purata minyak mentah yang lebih rendah sejajar corak menurun harganya di peringkat global khususnya pada permulaan tahun lalu. Ia diburukkan lagi dengan impak jumlah jualan yang lebih lemah.

Namun begitu, langkah mengurangkan kos yang dilaksana PETRONAS memberi kesan positif kepada kedudukan kewangan seperti yang dicerminkan pada peningkatan keuntungan bersih kumpulan.

Langkah berkenaan menyumbangkan penjimatan lapan peratus atau RM4.1 bilion penurunan dalam kos boleh kawal kepada RM49.1 bilion berbanding RM53.2 bilion pada 2015.



Khamis, 16 Mac 2017

18. Bekas penolong pegawai AADK dituduh rasuah



PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiringgi Mexnuel Pinus, 25, (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Pulau Pinang atas empat pertuduhan menerima rasuah.

GEORGETOWN: Seorang bekas penolong pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas empat pertuduhan menerima rasuah bernilai RM3,800.

Mexnuel Pinus, 25, membuat pengakuan itu dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Roslan Hamid.

Mengikut pertuduhan pertama, Mexnuel didakwa sebagai penjawat awam menerima suapan berjumlah RM1,300 daripada seorang lelaki bernama S Jeffry yang didapati hasil ujian air kencingnya positif dadah jenis morfin dan boleh dibawa ke pusat serenti.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan kedai 7-eleven di Jalan Datuk Keramat di sini, antara jam 10.25 malam hingga 10.32 malam pada 20 Januari 2016.

Dia dituduh mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa bersetuju menerima wang berjumlah RM200 dan RM1,300 daripada A Helda yang mempunyai hubungan dengan Jeffry melalui satu akaun CIMB bernombor 70-3930148-3 di Cawangan CIMB Air Itam, di sini, pada 5 dan 7 Disember 2015.

Sementara pertuduhan keempat, Mexnuel dituduh bersetuju menerima wang berjumlah RM1,000 juga daripada Helda menerusi akaun CIMB yang sama di Cawangan CIMB Prangin Mall di sini, pada 21 Disember 2015.

Tiga pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri. Sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 27 April ini sebagai tarikh sebutan semula kes.



Isnin, 20 Mac 2017

19. Moody's kekal tinjauan stabil ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR: Moody's Investors Service mengekalkan penarafan A3 dan tinjauan stabil bagi Malaysia, apabila ekonominya yang berdaya tahan mampu mengimbangi cabaran fiskal berstruktur yang disebabkan oleh aliran penurunan pendapatan kerajaan.

Rumusan Moody's itu terkandung di dalam analisis kredit bertajuk "Government of Malaysia - A3 Stable", yang menyemak empat kategori penarafan iaitu kekuatan ekonomi yang dinilai sebagai "sangat tinggi (-)", kekuatan institusi yang dinilai "tinggi (+)", kekuatan fiskal yang dinilai "sederhana (+)" dan keupayaan menyerap risiko yang dinilai "sederhana (-)".

Laporan Moody's menyatakan Malaysia akan mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kukuh 4.3 peratus pada 2017-2018 dan meneruskan lebihan akaun semasa.

Mengenai isu kestabilan luaran, Moody's menyatakan kestabilan rizab mata wang asing Malaysia mencerminkan ketidaktentuan aliran modal dan mata mata wang.

"Kecukupan rizab meningkat sedikit, namun secara relatifnya ia kurang baik berbanding negara lain yang menerima penarafan A," menurut agensi penarafan antarabangsa itu.

Moody's menyatakan, kerajaan Malaysia sudah menunjukkan komitmen terhadap pengukuhan fiskal, dengan tujuh tahun berturut-turut antara 2010 hingga 2016 berupaya mengecilkan defisit fiskalnya, melalui kawalan perbelanjaan bagi mengimbangi kelemahan berterusan pendapatan yang dijana.

"Beban hutang negara ini berkemungkinan sudah memuncak pada 2015, dicatatkan di bawah 55 peratus daripada KDNK, walaupun keupayaan menanggung hutang berterusan lemah," katanya.

Sementara itu, momentum pembaharuan dilihat tidak berkembang dan Moody's tidak menjangkakan sebarang perubahan signifikan menjelang pilihan raya umum akan datang, dijangka sebelum Mei 2018.

Faktor yang boleh mencetuskan penarafan positif termasuklah integrasi lebih menyeluruh metrik hutang kerajaan berbanding negara yang memiliki penarafan sama, diikuti oleh penambahbaikan kemampuan menanggung hutang dan pengurangan defisit fiskal.

Dalam masa sama, penarafan negatif boleh dicetuskan oleh dinamik hutang kerajaan atau akaun fiskal yang lebih buruk, atau ketidakupayaan untuk menguruskan impak kejutan luaran ke atas ekonomi sebenar atau sistem kewangannya.

"Pembentukan liabiliti yang besar atau imbalan pembayaran (BOP) yang merosot juga boleh memberikan tekanan supaya penarafan diturunkan," kata Moody's.

20. RM100 juta bantu sejuta pelajar miskinKEMENTERIAN
PENDIDIKAN**TIMBALAN Menteri Pendidikan 1, P. Kamalanathan. - Foto Amir Irsyad Omar**

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan memperuntukkan RM100 juta untuk membantu lebih sejuta pelajar miskin dan miskin tegar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan, berkata peruntukan itu disediakan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Bagaimanapun, beliau tidak menghuraikan bentuk bantuan dan tempoh bantuan yang diberikan kepada 1,061,381 pelajar miskin dan miskin tegar itu.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Budiman Moh Zohdi (BN-Sungai Besar) di Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai perkara lain, Kamalanathan berkata 1,216 buah sekolah di seluruh negara telah melaksanakan Program Dwibahasa (DLP) setakat ini.

Menjawab soalan Datuk Mohd Idris Jusi (PKR-Batu Pahat), beliau berkata ia meliputi 587 sekolah rendah dan 629 sekolah menengah dan program itu dilaksanakan berdasarkan pilihan ibu bapa dan kesediaan pihak sekolah.

21. MM2H jana RM2.9 bilion

DATUK Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. - Foto Yazit Razali

KUALA LUMPUR: Program Malaysia My Second Home (MM2H) menyumbang kira-kira RM2.9 bilion kepada ekonomi negara, tahun lalu.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata jumlah berkenaan termasuk kutipan hasil fi visa sebanyak RM6.85 juta, pembukaan simpanan tetap (RM542.5 juta) dan pembelian harta tanah (RM673.9 juta).


"Bagaimanapun, anggaran ini tidak termasuk perbelanjaan isi rumah, perbelanjaan pendidikan anak-anak, kos perubatan dan pembelian kereta pemasangan tempatan (CKD).

"Sejak dilancarkan pada tahun 2002 sehingga November 2016, sebanyak 31,723 permohonan warga asing daripada 126 negara diluluskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan Loke Siew Fook (DAP-Seremban) dalam sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Nazri berkata, warga China adalah paling banyak mengemukakan permohonan dengan 7,976 diluluskan diikuti Jepun (4,127), Bangladesh (3,399) dan United Kingdom (2,361).

Tidak terkecuali Iran seramai 1,331, Singapura (1,258), Taiwan (1,175), Korea Selatan (1,174), Pakistan (958), India (861) dan lain-lain (7,103)

22. Ekonomi negara dijangka berkembang 4.3-4.8 peratus tahun ini

GABENOR Bank Negara, Datuk Seri Muhammad Ibrahim mengumumkan Laporan Tahunan 2016 dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016 di Bank Negara. - Foto Rosela Ismail

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar sederhana 4.3 hingga 4.8 peratus tahun ini, selepas mengambil kira ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Muhammad Ibrahim, berkata pertumbuhan itu didorong terutama oleh permintaan domestik daripada sektor swasta.

Beliau berkata, perkembangan ekonomi dijangka lebih kukuh berbanding tahun lalu itu juga disokong oleh jangkaan permintaan luaran akan bertambah baik dan harga komoditi akan pulih.

"Bagaimanapun, terdapat rintangan domestik yang boleh mempengaruhi prospek pertumbuhan Malaysia seperti pelarasan berterusan terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat dan sentimen ekonomi yang berhati-hati," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Sidang media itu diadakan sempena pengumuman Laporan Tahunan 2016 dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016 yang dikeluarkan Bank Negara, hari ini.

Muhammad berkata, inflasi keseluruhan pada 2017 dijangka berada pada paras purata lebih tinggi dalam julat 3.0-4.0 peratus.

Namun, beliau berkata, inflasi lebih tinggi berbanding tahun lalu itu sebahagian besarnya didorong oleh kos.

Walau bagaimanapun, katanya, limpahannya ke atas corak aliran harga yang lebih meluas dijangka terus terkawal.

Muhammad berkata, sektor luaran Malaysia dijangka kekal berdaya tahan walaupun persekitaran global terus tidak menentu dengan secara keseluruhan, eksport barang dan perkhidmatan bersih dijangka dapat menyokong pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar tahun ini berikutan pemulihan eksport secara beransur-ansur.

Beliau berkata, akaun semasa dijangka mencatat lebihan satu hingga dua peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada 2017.

Eksport dan import dijangka terus kukuh pada 2017, disokong oleh unjuran pertumbuhan global serta harga komoditi yang bertambah baik, serta permintaan domestik yang mapan, katanya.

23. SPRM mengadap Sultan Johor

KETUA Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, meninggalkan lokasi pertemuan selepas mengadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar berikutan pendedahan maklumat berhubung orang tengah yang cuba merasuah baginda untuk pemberian pingat kebesaran kerajaan, di ibu negara, pagi ini.

KUALA LUMPUR: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, mengadakan pertemuan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendedahkan maklumat berhubung orang tengah yang cuba merasuah baginda untuk pemberian pingat kebesaran kerajaan, sebentar tadi.

Pertemuan antara baginda dan SPRM yang diwakili Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, diadakan di satu lokasi di sini.

Dzulkifli tiba dengan kenderaan rasmi ke lokasi berkenaan kira-kira jam 8.30 pagi sebelum dilihat meninggalkan kawasan itu pada jam 9.40 pagi.

Dzulkifli terus menuju ke kenderaannya dan enggan mengulas mengenai pertemuannya dengan Sultan Ibrahim.

Sementara itu, Sultan Ibrahim turut enggan mengulas lanjut mengenai perkara berkenaan ketika ditemui wartawan yang menunggu baginda di lokasi terbabit.

"I'm going shopping (saya ingin pergi membeli-belah)," kata baginda sambil berjalan keluar dari lokasi berkenaan ke kenderaan rasmi, kira-kira jam 10.15 pagi tadi.

Semalam, Sultan Johor mengesahkan meminta wakil SPRM mengadap bagi mendedahkan nama individu yang cuba merasuah baginda sebanyak RM2 juta.

Ia bagi mencadangkan nama kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk gelaran Tan Sri daripada Yang di-Pertuan Agong.



Selasa, 28 Mac 2017

24. 82 peratus projek AKP siap - TPM

KUALA LUMPUR: Sebanyak 82 peratus daripada keseluruhan 4,797 projek Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) bernilai RM72.26 bilion yang mula dilaksanakan sejak 2013, siap sepenuhnya setakat 15 Mac lalu.

Perkara itu dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan AKP yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Bangunan Utama Parlimen, dengan turut dihadiri menteri serta pegawai tinggi kerajaan.

Ahmad Zahid berkata, antara projek yang berjaya disiapkan adalah Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh ke Semantan sepanjang 23 kilometer membabitkan 12 stesen, dengan tempoh perjalanan kurang 30 minit.



ORANG ramai menaiki tren MRT di Stesen MRT Semantan, Kuala Lumpur.

Katanya, turut siap projek penyambungan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) dari Sri Petaling dan Kelana Jaya ke Putra Heights sepanjang 35.1 kilometer yang menelan kos RM9.54 bilion.

"Pembinaan 234,832 unit Rumah Mampu Milik (RMM) juga siap sepenuhnya.

"Begitu juga kemudahan akses jalur lebar di seluruh negara melalui penyediaan 230,366 port internet baharu dengan kos RM1.8 bilion," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Ahmad Zahid berkata, sembilan buah sekolah baharu juga siap dibina dengan kos RM343.45 juta serta projek membaik pulih 161 buah sekolah daif di Sabah dan Sarawak yang berjumlah RM37 juta.

Katanya, turut siap adalah projek menaik taraf kemudahan perubatan haemodialisis di 22 buah hospital bernilai RM5 juta dan kerja menurap jalan luar bandar sepanjang 5,797 kilometer dengan kos RM7.66 bilion.

"Menerusi projek AKP ini juga, kita berjaya menyiapkan pembinaan lima buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Perak dan Kedah.

"Selain itu, lapan buah Pusat Transformasi (RTC) Luar Bandar siap iaitu di Miri dan Betong (Sarawak); Kulai (Johor); Jasin (Melaka); Pekan (Pahang); Dungun (Terengganu); Kota Bharu (Kelantan) dan Jitra (Kedah)," katanya.

Katanya, komitmen kerajaan untuk merealisasikan projek AKP akan diteruskan menerusi pelaksanaan empat lagi inisiatif iaitu peningkatan amaun Bantuan Rakyat 1Malaysia dengan kos RM6.8 bilion, pembinaan pusat Anjung Kasih di Hospital Queen Elizabeth, Sabah; Hospital Sultanah Aminah, Johor; Hospital Serdang, Selangor; Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Bahiyah di Kedah.

Di samping itu, program e-Usahawan dan e-Rezeki juga akan dilaksanakan dengan menelan kos sebanyak RM100 juta untuk meningkatkan pendapatan 300,000 peserta dan pelaksanaan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang akan dimulakan Julai depan.

Khamis, 30 Mac 2017

25. Datuk direman bantu siasatan dana hilang

GEORGETOWN: Seorang Ahli Lembaga Pengarah sebuah yayasan berkepentingan Bumiputera di negeri ini, direman lima hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung salah guna kuasa dan kedudukan.

Perintah reman ke atas lelaki berusia 70 tahun bergelar Datuk yang juga pengurus sebuah agensi Pusat itu, dikeluarkan oleh Majistret Mohamad Amin Shahul Hamid di Mahkamah Majistret di sini, sebentar tadi.

Suspek yang memakai baju lokap SPRM berwarna jingga tiba di Kompleks Mahkamah Pulau Pinang di sini, kira-kira jam 10.30 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Suspek ditahan di Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang malam tadi dan direman bagi membantu siasatan kes kehilangan dana berjumlah jutaan ringgit milik yayasan terbabit.

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



ANGGOTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiringi lelaki bergelar Datuk (tengah) yang direman lima hari di Mahkamah Majistret Georgetown hari ini, bagi membantu siasatan kehilangan dana berjuta ringgit.



Jumaat, 31 Mac 2017

26. PETRONAS, Pavilion Gas S'pura teroka perniagaan LNG

KUALA LUMPUR: Anak syarikat PETRONAS, Petronas LNG Ltd, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pavilion Gas Pte Ltd dari Singapura, untuk meneroka peluang kerjasama dalam perniagaan gas asli cecair (LNG).

Pavilion Gas yang adalah unit milik penuh Pavilion Energy Pte Ltd terbabit dalam pengagihan dan perdagangan LNG di rantau ini.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hiliran PETRONAS, Datuk Mohd Anuar Taib, berkata kekuatan kedua-dua syarikat dalam bidang masing-masing akan mewujudkan sinergi hebat dalam perniagaan LNG.

"Kedudukan kukuh dalam rantaian nilai LNG bersepada dan portfolio LNG pelbagai yang dimiliki oleh PETRONAS serta Pavilion Energy sebagai antara pembeli borong LNG di Singapura, akan membolehkan kedua-dua syarikat memanfaatkan kekuatan satu sama lain dalam mewujudkan nilai dan pertumbuhan di rantau ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Mengikut MOU, kedua-dua pihak akan meneroka langkah kerjasama dan mengoptimumkan peluang dalam perniagaan LNG, termasuk usaha perdagangan khusus dan usaha bersama berkaitan penerimaan kemudahan terminal dan penyimpanan.



Jumaat, 31 Mac 2017

27. Tan Sri cuba rasuah Sultan Johor dibawa ke mahkamah

PUTRAJAYA: Individu yang dipercayai cuba merasuah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, berhubung penganugerahan pingat, dibawa ke Mahkamah Majistret di sini, untuk perintah reman kira-kira jam 9.30 pagi ini.

Ahli perniagaan berumur 54 tahun bergelar Tan Sri itu hadir ke mahkamah berpakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berwarna jingga dan diiringi tiga pegawai SPRM.

Sebaik tiba, suspek menutup muka dengan baju yang dipakai dan terus dibawa ke dewan mahkamah.

Suspek menyerah diri kepada SPRM selepas beberapa jam diarah berbuat demikian.

Ahad lalu, Sultan Ibrahim menyatakan kesediaan mendedahkan maklumat kepada SPRM berhubung orang tengah yang cuba merasuh baginda mengenai penganugerahan pingat.

Baginda mendedahkan menerima tawaran RM2 juta daripada seorang individu bagi mencadangkan nama kepada Ketua Setiausaha Negara untuk gelaran 'Tan Sri' daripada Yang di-Pertuan Agong.



PEGAWAI SPRM membawa individu yang bergelar Tan Sri yang menyerah diri semalam berkaitan isu cubaan merasuh Sultan Johor untuk mohon perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya.